



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2021-2025

“STATISTIK NADI KEHIDUPAN”





LATAR BELAKANG **JABATAN**

SEJARAH

Jabatan Perangkaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan Ordinan Statistik 1949 dan dikenali sebagai Biro Statistik. Pada tahun 1965, Biro Statistik telah bertukar nama kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan beroperasi di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965.



FUNGSI

Jabatan Perangkaan Malaysia bertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.

PERANAN

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.



OBJEKTIF

Dokumen ini menyatukan semua strategi dan inisiatif yang telah dirancang oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai agensi Penjana Statistik Rasmi Negara untuk diselaras dan dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini akan menjadi rujukan utama DOSM bagi menentukan pelaksanaan aktiviti Bahagian, DOSM Negeri, Institut Latihan dan pegawai kader agar selari dengan hala tuju strategik DOSM secara inklusif dan mampan.

MATLAMAT

Dokumen ini memusatkan segala kebersamaan, komitmen dan penumpuan seluruh warga DOSM bagi menjayakan visi dan misi Jabatan.

PELAN STRATEGIK JABATAN



Visi

Peneraju Perkhidmatan
Statistik Demi
Kesejahteraan Sejaht



Misi

Memacu Statistik
Berintegriti dan
Perkhidmatan Profesional
untuk Pembudayaan
Keputusan Berasaskan
Bukti



Moto

Statistik Nadi Kehidupan

NILAI TERAS

01

Mesra
Pelanggan



02

Integriti
dan Akauntabiliti



03

Kompeten

04

Berhemah
dan Berwibawa



05

Semangat
Kebersamaan



06

Profesionalisme

ISU DAN CABARAN

SUMBER

KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN

PENGURUSAN

TADBIR URUS

INSENTIF



Ekspektasi persekitaran yang tinggi terhadap jabatan (kepentingan jabatan)



Perkongsian *microdata* dan keselamatannya



Teknologi baharu dalam pelaksanaan kerja – Big Data, Teknologi Satelit, Penggunaan *multiple device*



Keupayaan pembangunan kapasiti warga tidak berkembang selari dengan pembangunan jabatan



Penggunaan metodologi baharu, profesion data baru, limpahan data dan peredaran maklumat memberi impak kepada pengurusan jabatan.



Perancangan dan pelaksanaan yang tidak berkesan menyebabkan kesan negatif kepada cara kerja di jabatan.



Penyampaian perkhidmatan yang berskala besar dan luas serta hubungan baik dengan pelanggan yang perlu diperkejutkan.



Jurang data yang kritikal dan kurang penyelarasan data mengakibatkan kelemahan dalam membuat keputusan.



Potensi kepakaran ilmu statistik belum digembeling sepenuhnya dan dipelbagaikan.



Jurang ilmu antara kumpulan pegawai/anggota yang semakin melebar.



Pemahaman yang kurang dalam hala tuju jabatan menjejaskan kebersamaan dalam pembangunan jabatan.

Berdasarkan Kerangka *CAPACITY DEVELOPMENT 4.0*

TERAS STRATEGIK

KEBERHASILAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN STATISTIK YANG HOLISTIK SERTA MAMPAN



Memperkasakan Perkhidmatan Statistik yang Berintegriti, Relevan dan Andal



Meningkatkan Inovasi Rantaian Statistik untuk Penyampaian Perkhidmatan yang Efisien



Memasyarakatkan Statistik Secara Holistik

TERAS 1

PEMERKASAAN INOVASI DALAM PENGURUSAN SUMBER DAN INFRASTRUKTUR



Mengadaptasi Revolusi Sistem dan Proses Kerja Statistik



Pemeriksaan Tadbir Urus Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)



Memperluas Kebolehcapaian Statistik

TERAS 2

PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN, KECEKAPAN DAN PROFESIONALISME



Meningkatkan Profesionalisme dan Kompetensi Personel



Memupuk Pemikiran Ke Arah Modenisasi dan Perkembangan Daya Cipta



Memperkasa Peranan Sebagai Pentas Pengurusan Ilmu

TERAS 3

PEMARTABATAN SISTEM STATISTIK NEGARA



Menguuhkan Sistem Statistik Negara




Memacu Analitik Data Sektor Awam



Membudayakan Statistik Dalam Kehidupan

TERAS 4



TERAS 1


KEBERHASILAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN
STATISTIK YANG HOLISTIK SERTA MAMPAN

TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN
STATISTIK YANG BERINTEGRITI,
RELEVAN DAN ANDAL

MENINGKATKAN INOVASI
RANTAIAN STATISTIK UNTUK
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
YANG EFISIEN

MEMASYARAKATKAN STATISTIK
SECARA HOLISTIK



TERAS 2

PEMERKASAAN INOVASI DALAM PENGURUSAN
SUMBER DAN INFRASTRUKTUR


TERAS STRATEGIK 2



MENGADAPTASI REVOLUSI SISTEM
DAN PROSES KERJA STATISTIK

PEMERKASAAN TADBIR URUS
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI (ICT)

MEMPERLUAS KEBOLEHCAPAIAN
STATISTIK



TERAS 3

PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN, KECEKAPAN DAN
PROFESIONALISME

TERAS STRATEGIK 3

MENINGKATKAN PROFESIONALISME
DAN KOMPETENSI PERSONEL

MEMUPUK PEMIKIRAN KE ARAH
MODENISASI DAN PERKEMBANGAN
DAYA CIPTA

MEMPERKASA PERANAN SEBAGAI
PENTAS PENGURUSAN ILMU



TERAS 4

PEMARTABATAN SISTEM STATISTIK NEGARA



TERAS STRATEGIK 4



MENGUKUHKAN SISTEM
STATISTIK NEGARA

MEMACU ANALITIK DATA
SEKTOR AWAM

MEMBUDAYAKAN STATISTIK
DALAM KEHIDUPAN

SOROTAN

PENCAPAIAN
PELAN TRANSFORMASI
JABATAN 2015–2020





01

TERAS STRATEGIK 1: PENGHASILAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN STATISTIK YANG BERINTEGRITI DAN *RELIABLE*

KEPUASAN PELANGGAN

Kajian kepuasan pelanggan telah dilakukan pada tahun 2015 hingga tahun 2020 dan dapatan menyatakan secara purata 93.0% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan pada tahun berkenaan. Berdasarkan Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan, DOSM mencapai keputusan 100% dalam menepati standard Piagam Pelanggan.

PERKONGSIAN PINTAR DAN KONSULTASI BAGI PENYUSUNAN *DATA PRIMER* DAN *DATA SEKUNDER*

DOSM memberi fokus untuk meningkatkan penggunaan sumber data sekunder dalam penyusunan statistik. DOSM telah mengadakan program perkongsian pintar dengan pembekal data pentadbiran/sekunder sama ada dari agensi kerajaan mahupun swasta. Sejumlah 142 program perkongsian pintar telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Selain daripada program perkongsian data, DOSM telah menjalankan program konsultasi dan rundingan teknikal sebanyak 135 program pada tahun 2015, 194 program pada 2016, 77 program pada 2017 dan 188 program pada 2018. Mesyuarat *Technical Working Group* (TWG) dan *Inter Agency Planning Group* (IAPG) telah diadakan bagi memperkasakan penggunaan data sekunder serta perkongsian pintar dalam penghasilan statistik rasmi. Sebanyak 140 mesyuarat TWG dan IAPG telah diadakan bersama pelbagai agensi sepanjang tahun 2015 hingga tahun 2020. Penggunaan data sekunder diperluaskan lagi dengan DOSM menandatangani Memorandum Persefahaman bersama agensi bagi meningkatkan lagi kualiti statistik.

Pada tahun 2016, DOSM menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Pos Malaysia Berhad yang menjalinkan kerjasama dalam perkongsian maklumat perangkaan bagi pembangunan alamat Tempat Kediaman yang komprehensif dan berdasarkan praktis antarabangsa. Memorandum yang kedua pada 2016 ditandatangani bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Memorandum ini membolehkan DOSM menerima data berkaitan syarikat – syarikat yang berdaftar ada di bawah seliaan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sehingga kini, DOSM telah memeterai 15 MoU bersama agensi kerajaan dan swasta serta satu organisasi antarabangsa.

PENGUMPULAN DAN PENYUSUNAN PRODUK STATISTIK RASMI SELARAS DENGAN AGENDA ANTARABANGSA

Selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), DOSM sebagai penjana statistik utama negara telah menerbitkan *The Initial Assessment of the Sustainable Development Goals Indicator for Malaysia* yang membentangkan penilaian awalan ketersediaan data bagi 244 indikator SDG di Malaysia. Penerbitan pertama Indikator SDG telah diterbitkan pada 2019 dan mengandungi 99 indikator SDG. Penerbitan kedua pula telah diterbitkan pada 2020 dan meliputi 128 indikator.

DOSM telah dilantik sebagai koordinator ASEAN bagi data Malaysia yang disusun oleh sekretariat ASEAN melalui ASEAN *Community Statistical System* (ACSS). DOSM telah menyelaraskan pengumpulan 604 ASEAN *Statistical Indicators* dalam pelbagai bidang seperti mikroekonomi, kewangan, monetari, kependudukan dan lain-lain dari pelbagai agensi kerajaan yang terlibat.



PENGHASILAN PRODUK BAHARU YANG RELEVAN DENGAN KEPERLUAN STAKEHOLDERS

Bagi penghasilan produk statistik baharu berikut merupakan keluaran statistik baharu bagi tahun 2015 hingga tahun 2020:

2015

- Statistik Kedudukan Pelaburan Antarabangsa
- Statistik Kanak – Kanak Malaysia
- Statistik Perkahwinan Penceraian Malaysia
- Statistik Pelaburan Langsung Asing
- Pengasasan Semula KDNK 2010
- Indeks Perkhidmatan Suku Tahunan
- Laporan Guna Tenaga Suku Tahunan
- Laporan Banci Perdagangan Edaran 2014

2016

- Banci Perdagangan Edaran Negeri mengikut Daerah Pentadbiran 2014
- Indeks Perdagangan Edaran Asas Semula (2013=100)
- Perdagangan Edaran Bulanan
- Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan
- Penyiasatan Pertubuhan e-Dagang
- Laporan Penggunaan ICT dalam Perniagaan 2015
- Indeks Pengeluaran Perniagaan Suku Tahunan
- Statistik Affiliate Asing di Malaysia 2015
- Laporan Usahawan Tani Agromakanan 2016
- Statistik Perdagangan Perkhidmatan 2015
- Indikator *Green Economy* di Malaysia

2017

- Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan
- Sembilan Penerbitan Banci Ekonomi 2016
- *Malaysia in Figures 2017*
- Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016
- Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri 2016
- Statistik *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri 2015
- Statistik Pemerkasaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia 2017
- Matriks Perakaunan Sosial 2014
- Produktiviti Buruh

PENGHASILAN PRODUK BAHARU YANG RELEVAN DENGAN KEPERLUAN STAKEHOLDERS

2018

- Statistik Pelancongan Banci Ekonomi 2016
- Laporan Sosioekonomi Negeri 2017
- Laporan *My Local Stats* Negeri 2017
- Statistik Tenaga dan Utiliti Banci Ekonomi 2016
- Statistik Jenayah 2018
- *The Initial Assessment of the Sustainable Development Goals (SDGs) Indicators for Malaysia* 2018

2019

- Laporan Survei Pelancongan Domestik mengikut Negeri
- Laporan Awalan Statistik Ekonomi Tahunan
- Laporan Sistem Perakaunan Ekonomi - Alam Sekitar
- Jadual Fizikal Penawaran dan Penggunaan
- *The Sustainable Development Goals (SDG) Indicators for Malaysia*
- Statistik Siswazah
- *MyLocal Stats* 2.0
- *MyCapStock* Fasa 2
- *Trade by Enterprise Characteristics* (TEC)
- *Malaysia Business Cycle Clock* (MBCC)

2020

- Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar Jadual Fizikal Penawaran Dan Penggunaan: Akaun Air (MySEEA PSUT Air), 2015
- Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 Mengikut Negeri / Daerah Pentadbiran (15 Negeri)
- Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 Mengikut Negeri / Daerah Pentadbiran (15 Negeri)
- Banci Perdagangan Borong & Runcit 2019 (15 Negeri)
- Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (7 Siri)
- *MyLocal Stats* Mengikut Daerah (149 daerah)

PENGUNAAN *BIG DATA* DALAM PENYUSUNAN STATISTIK RASMI

Dalam melaksanakan penggunaan big data bagi penyusunan statistik rasmi, Projek STATSBD A dilancarkan untuk meningkatkan keupayaan Kerajaan bagi membuat keputusan berasaskan data dan fakta, membangunkan bakat dalam *Big Data Analytics* serta bertindak balas terhadap keperluan kritikal agenda transformasi negara. Antara pembangunan projek STATSBD A adalah seperti berikut:

Trade by Enterprise Characteristic (TEC)

TEC merupakan inisiatif di bawah *structured data* di mana ianya merupakan integrasi data pentadbiran yang bersaiz besar daripada Kastam Diraja Malaysia bersama MSBR untuk penghasilan statistik baharu tanpa perlu menjalankan survei baharu.

Public Maturity Assessment on Official Statistics (PMAOS)

PMAOS merupakan sentiment analysis yang membolehkan menilai sejauh mana penerimaan orang ramai terhadap statistik yang diterbitkan oleh DOSM. Maklumat yang diperolehi daripada laman sosial seperti Facebook dan Twitter dapat membantu DOSM untuk menilai sama ada perkhidmatan statistik yang disediakan dapat memenuhi kehendak pengguna.

01

02

Price intelligence (PI)

PI adalah inisiatif bagi unstructured data di mana kaedah modenisasi dalam pungutan data harga dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti Indeks Harga Pengguna (CPI) dan dimodenkan dengan menggunakan teknik web scraping daripada laman web yang berkaitan.

Real Time Business Status (RTBS)

RTBS merupakan pelaksanaan modul sokongan yang turut menjalankan hubungan kerjasama strategik bersama pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui integrasi sistem secara atas talian di antara DOSM dan SSM yang dikenali sebagai SSM *Middleware*. Ia merupakan perkhidmatan web, di mana DOSM perlu menghantar permintaan berdasarkan format yang telah ditetapkan untuk mendapatkan maklumat perniagaan atau syarikat yang terkini.

05

03

BiZcode@StatS

BIZCODE@STATS merupakan platform kepada pengguna untuk mengakses aplikasi kod dan klasifikasi statistik melalui peranti mudah alih di mana walaupun tiada sambungan internet, ia tetap boleh digunakan.

04



02

TERAS STRATEGIK 2: PENGURUSAN SUMBER DAN INFRASTRUKTUR YANG EFISIEN

TRANSFORMASI PENYUSUNAN STATISTIK DENGAN MENGADAPTASI RANGKA KERJA STATISTIK TERBAIK

Untuk memastikan aktiviti statistik rasmi menggunakan penanda aras global, DOSM telah mengadaptasi kerangka kerja *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) mulai 2011. GSBPM ini mengandungi lapan proses utama dengan 45 subproses yang merangkumi peringkat perancangan, prosesan, analisis dan penyebaran statistik rasmi.

PENGUNAAN ICT DALAM MODENISASI AKTIVITI STATISTIK

a. *e-Survey*

e-Survey telah digunapakai dalam beberapa penyiasatan berasaskan pertubuhan yang dijalankan oleh DOSM mulai tahun 2008. Penyiasatan tersebut adalah Penyiasatan Pembuatan Bulanan (MM), Penyiasatan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (ITS), Perdagangan Edaran Bulanan (MDT), Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan (e-QSS) dan yang terkini, Penyiasatan Pertubuhan e-Dagang. Pada tahun 2019, penggunaan *e-Survey* diperluaskan dalam penyiasatan tenaga buruh suku tahunan.



b. Computer-Assisted Personal Interview (CAPI)

Penggunaan tablet (*Computer-Assisted Personal Interview* atau CAPI) bagi Pungutan Harga Pengguna (PHP) telah dilaksanakan sejak tahun 2014. Penggunaan CAPI telah berjaya menjimatkan masa serta meningkatkan produktiviti dan kualiti data. Negeri Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak mencatatkan pencapaian 100% dalam penggunaan tablet bagi PHP.

c. Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)

Bagi mod *Computer-Assisted Telephone Interview* atau CATI, sehingga tahun 2015, tiga buah Pusat Panggilan CATI telah diwujudkan di Zon Tengah (Wilayah Persekutuan dan Selangor) dan Zon Selatan (Melaka, Negeri Sembilan dan Johor) bagi pungutan data Penyiasatan Tenaga Buruh dan pada tahun 2019, Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) serta Sabah dan Sarawak telah melaksanakan mod CATI.

d. National Enterprise-Wide Statistical System (NEWSS)

Pembangunan *National Enterprise-Wide Statistical System* (NEWSS) Fasa 3 telah selesai pada Ogos 2015. NEWSS Fasa 3 merupakan kesinambungan daripada NEWSS Fasa 1 dan Fasa 2 yang telah beroperasi sejak tahun 2010. Pembangunan NEWSS Fasa 3 melibatkan Modul Pengurusan Rangka Pertubuhan, Modul Pengurusan Profil Pengguna, Migrasi Sistem kepada versi perisian Server dan Pangkalan Data Baru (*RedHat Linux*, *Weblogic* dan *Oracle DB 11r2*) serta Penyelenggaraan Aplikasi NEWSS Fasa I. Pada tahun 2017, tiga sistem aplikasi dibangunkan di dalam sistem NEWSS iaitu eQIS (*Quality Improvement Survey*), eGlossaryTK dan MyStatsACE. eQIS digunakan untuk mengumpul maklumat bagi mengemaskini pangkalan data Daftar Perniagaan.



Sistem ini membenarkan responden yang terpilih memberi respon terus kepada jabatan. eGlossaryTK dibangunkan lengkap dengan definisi bagi setiap jenis tempat kediaman (TK) berserta contoh gambar untuk memudahkan DOSM Negeri mengenal pasti jenis TK dan seterusnya melaksanakan pengemaskinian rangka isi rumah. MyStatsACE dibangunkan untuk mengumpul senarai pertubuhan yang berdaftar dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan berkanun dan persatuan/kelab di Malaysia. Maklumat tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan, penyelidik dan pengguna lain.

e. Sistem myCapstock

Sistem MyCapstock telah dilancarkan pada Disember 2016 bagi mengautomasikan aliran kerja stok modal di peringkat kemasukan input, proses *Perpetual Inventory Method* (PIM) dan janaan laporan. Pendekatan bersistem melalui MyCapstock ini mengambil alih proses manual tersebut dan impak yang sangat memberangsangkan dari segi masa dan tenaga bagi pengiraan PIM dan penyediaan *data visualisation* mengikut keperluan dalam analisis, pembentangan dan penerbitan.

f. Aplikasi *Building Cost Index Mobile* dan Prosesan

Pelaksanaan aplikasi *Building Cost Index* (BCI) Mobile dan Prosesan di Ibu Pejabat, semua DOSM Negeri dan Pejabat Operasi (PO) telah bermula pada Julai 2016. Aplikasi ini merangkumi dua modul utama iaitu modul mobile dan modul prosesan. Aplikasi ini turut mempunyai kemudahan *data-sync* yang akan mengemaskini data di semua DOSM Negeri sekiranya ada pengemaskinian data di peringkat HQ yang dilakukan secara berkala.

Kelebihan aplikasi ini ialah:

- 01 Memudahkan proses tangkapan data semasa kerja luar
- 02 Proses pemindahan data dari tablet ke pangkalan data yang mudah tanpa perlu proses key-in semula ke dalam sistem
- 03 Mempercepatkan proses semakan data oleh penyelia dengan bantuan ringkas yang boleh dijana dan disemak apabila diperlukan
- 04 Penghantaran data ke ibu pejabat dengan lebih cepat dan mudah serta memudahkan semakan data di peringkat ibu pejabat
- 05 Memudahkan proses janaan indeks kos bahan binaan
- 06 Memastikan keselamatan data terjamin

g. Sistem Statistik Sosial Malaysia (*MySocialStats*)

MySocialStats mula dibangunkan pada September 2015 yang merangkumi empat daripada lapan bidang bagi penerbitan sosial iaitu:



Kesihatan



Perhubungan dan Rekreasi



Pendidikan



Keselamatan Awam

Sistem ini dibangunkan untuk menjadi pusat pengumpulan data sekunder secara lebih sistematik. Sistem ini dapat menjalankan proses pengemaskinian data, validasi data dan pengesahan data dengan lebih mudah dan efektif secara atas talian. Sistem ini dapat membantu pihak pentadbir dalam memantau penghantaran data oleh agensi yang terlibat dengan lebih sistematik. Antara agensi pembekal data yang terlibat dalam pembangunan ini adalah:



PEMBANGUNAN *STATISTICS DATA WAREHOUSE* (StatsDW)

Statistics Data Warehouse (StatsDW) dibangunkan untuk meningkatkan infrastruktur data management. StatsDW merupakan inisiatif utama ICT yang telah dikenal pasti di dalam Pelan Strategik ICT Jabatan Perangkaan (2010-2015) untuk memelihara dan memulihara data statistik nasional dalam era digital. Projek ini dibangunkan mulai dari Oktober 2014 dan telah berjaya dilancarkan secara rasminya pada Jun 2016. StatsDW telah mengubah persekitaran pengurusan, keselamatan dan pengarkiban data di Jabatan dengan penggunaan teknologi moden bagi memenuhi keperluan stakeholder, industri dan rakyat untuk membuat keputusan berasaskan fakta. Modul-modul StatsDW memaparkan maklumat dalam bentuk yang dinamik dan interaktif dan boleh diakses oleh semua pengguna umum secara percuma melalui portal Jabatan iaitu modul eDatabank, *Data Visualisation* serta *Location Intelligence*. eDataBank merupakan bank data elektronik DOSM di mana pengguna boleh menyusun jadual dan graf mereka sendiri dan mengeksport jadual ini dalam format fail yang berbeza. Maklumat ini boleh diakses, dimuat turun dan dicetak. *Data Visualisation* memaparkan statistik dalam bentuk infografik yang menarik dan interaktif serta bentuk carta garis mengikut siri masa. *Location Intelligence* digunakan untuk menganalisis data secara interaktif melalui peta.

PEMANTAPAN PENGGUNAAN MALAYSIA STATISTICAL ADDRESS REGISTER (MSAR) DAN MALAYSIA STATISTICAL BUSINESS REGISTER (MSBR)

Pengemaskinian rangka diperkukuhkan lagi dengan pembangunan sistem Malaysia Statistical Address Register (MSAR) dan Malaysia Statistical Business Register (MSBR). MSAR merupakan platform pangkalan data Tempat Kediaman (TK) yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Sistem ini memainkan peranan utama dalam Pengeluaran statistik isi rumah dan juga merupakan sumber rangka utama banci dan survei isi rumah yang dilaksanakan di DOSM. MSBR merupakan sumber data untuk menyusun maklumat demografi berkenaan senarai pertubuhan perniagaan yang berstruktur dan syarikat yang beroperasi di Malaysia. Sehingga tahun 2020, sebanyak 175,186 pertubuhan aktif telah dikemaskini di dalam MSBR.

TRANSFORMASI PENYEBARAN STATISTIK

Transformasi penyebaran statistik menerusi portal DOSM diperhebatkan lagi dengan pembangunan aplikasi e-Statistik, *Population Quick Info*, Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Atas Talian, *Malaysia Informative Data Centre*, *MalaysianInfo*, Portal Banci dan STATS Geoportal serta Sistem Carian MSIC (eMSIC). Berikut merupakan transaksi bagi setiap aplikasi bagi tahun 2016 hingga 2020:

Aplikasi	Bilangan Transaksi				
	2020	2019	2018	2017	2016
e-Statistik	1,924,422	1,711,140	1,438,365	391,700	349,152
Population Quick Info	63,957	69,645	51,862	100,124	44,038
Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Atas Talian (METS Online)	56,874	141,987	178,252	185,423	57,123
Malaysia Informative Data Centre (MysIDC)	24,512	22,889	22,189	32,638	23,848
MalaysianInfo	16,616	14,765	13,357	14,761	8,071
STATS Geoportal (e-Atlas Sosial)	7,045	10,465	9,335	16,720	15,975
Sistem Carian MSIC (eMSIC)	51,266	78,683	61,325	43,435	58,173
StatsDW	19,812	20,632	21,882	34,044	23,145
My Local Stats	132,658	37,973	18,618	-	-
Interaktif Perdagangan Edaran (i-DT)	1,538	2,069	1,194	3,299	-

Selain aplikasi yang dinyatakan, Portal Sosial e-Atlas dan Data Interaktif Perdagangan Edaran (i – DT) telah diterbitkan. Portal Sosial e-Atlas diterbitkan adalah untuk memaparkan dan menyebarkan statistik sosioekonomi kepada pengguna dalam bentuk spatial dan visualisasi data di pelbagai peringkat geografi secara *web based*. Tujuh tema data utama di dalam aplikasi ini ialah:

- Penduduk
- Pendapatan
- Kesihatan
- Perdagangan Edaran
- Perangkaan Penting
- Guna Tenaga
- Pendidikan

i-DT merupakan portal interaktif statistik ekonomi yang menyediakan statistik sehingga peringkat daerah pentadbiran bagi Banci Perdagangan Edaran bagi tahun 2008 dan 2014. Selain itu, DOSM juga mempelbagaikan medium sebaran melalui **media sosial** dan aplikasi mudah alih. Pada tahun 2020, DOSM mempunyai jumlah pengikut berdasarkan aplikasi media sosial seperti:



Followers:
33,913 (Stats Malaysia)
28,118 (MyCensus)



Followers:
6,929



Followers:
5,374

Aplikasi MyLocal Stats mempamerkan statistik di peringkat daerah meliputi kependudukan, demografi, indikator ekonomi dan sosial terpilih. Aplikasi BizCode@Stats adalah platform perkongsian aktiviti kod dan klasifikasi statistik keluaran DOSM yang dibangunkan berdasarkan standard pengkelasan antarabangsa. BizCode@Stats dibangunkan untuk memudahkan pengguna mengenalpasti kod beserta keterangan secara interaktif melalui aplikasi mudah alih. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Apps Store dan Google Play Store



03

TERAS STRATEGIK 3: MENDAYA UPAYA BAKAT

PELAN INTEGRITI DOSM 2016 – 2020

Peningkatan penghayatan nilai teras dalam kalangan warga kerja DOSM dilaksanakan dengan mengeluarkan Pelan Integriti DOSM 2016 – 2020 (PID). PID dibangunkan bagi menjadikan Jabatan ini sebagai sebuah organisasi yang gemilang dan terbilang bukan sahaja dari segi penghasilan statistik yang bermutu dan berkualiti malah warga DOSM dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti bagi menjana statistik negara yang berintegriti dan reliable dalam merancang dan membangunkan negara ke arah Wawasan 2020. Terdapat empat objektif strategik PID iaitu:

- Memantapkan keberkesanan tadbir urus
- Keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam
- Memantapkan amalan integriti
- Memantapkan pengurusan sumber manusia

Anggota DOSM juga telah diberikan program – program kesihatan dan sahsiah kekeluargaan seperti aktiviti FitDOSM di ibu pejabat dan DOSM Negeri, majlis – majlis perayaan dan keagamaan dan aktiviti – aktiviti tanggungjawab sosial korporat.



PELAN STRATEGIK ILSM 2016 – 2020

Pelan Strategik ILSM 2016 -2020 dikeluarkan bagi memperkasakan modal insan seiring dengan Pelan Transformasi Jabatan. Lima teras yang difokuskan di dalam pelan ini ialah:

- Pengurusan pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif.
- Tenaga pengajar yang kompeten.
- Pemantapan dasar dan tadbir urus latihan.
- Pengurusan infrastruktur yang efektif dan efisien.
- Jalinan usahasama strategik.

Dasar latihan yang digubal menjadi asas kepada pelaksanaan kursus bagi memenuhi perkara berikut:

- Menyediakan anggota yang mahir, berkebolehan, kompeten dan berketerampilan bagi mencapai hasil kerja yang berkualiti mengikut standard yang telah ditetapkan.
- Menyediakan pakar dalam bidang statistik, ICT, pengurusan kewangan, perkhidmatan, dan pentadbiran.
- Menyediakan jurulatih mahir dalam memberi kursus dan latihan.
- Membentuk nilai – nilai murni dan sikap positif.
- Mewujudkan nilai tambah di dalam Jabatan.





Berikut merupakan bilangan kursus dalaman yang dianjurkan oleh ILSM:

Tahun	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
2020	12	329
2019	42	1,302
2018	32	707
2017	18	579
2016	35	1,125
2015	75	1,586

PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT 2016-2020

Teras Strategik ICT merupakan garis panduan kepada Jabatan untuk menentukan perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek-projek ICT bagi menyokong bisnes teras JP. Empat (4) teras strategik ICT telah dikenal pasti untuk memacu hala tuju ICT sebagai mana yang ditetapkan menerusi Visi dan Misi JP.

REGIONAL COURSES DAN KOLOKIUUM STATISTIK

Selain kursus dalaman, beberapa *regional courses* dan kolokium statistik telah dianjurkan. DOSM dengan kerjasama *United Nation Statistical Institute for Asia and the Pacific* (UNSIAP) dan *Regional Institute of United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP) menganjurkan *First Regional Course on Statistical Business Registers* (SBR) pada Januari 2015. Kursus melibatkan 38 peserta dari 16 buah negara (Malaysia, Bangladesh, Bhutan, Cambodia, Lao DPR, Sri Lanka, China, Fiji, India, Hong Kong, Indonesia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam). Tiga lagi kursus antarabangsa yang diadakan ialah *Regional Training Workshop on The System of Environmental – Economic Accounting* (SEEA) with A Focus On Water Accounting, *Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMSs) on Business Survey Methodology* dan *Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMSs) on Seasonal Adjustment* pada tahun 2016.



Pada tahun 2017, DOSM menjadi tuan rumah bagi dua mesyuarat dan satu bengkel ASEAN iaitu (i) *5th Meeting of the Capacity Building Project for Monitoring Integration Progress and Statistics (COMPASS) Project Steering Committee (PSC)*; (ii) *13th Meeting of the ASEAN Community Statistical System Sub-Committee on Planning and Coordination (ACSS-SCPC)*; dan (iii) *Regional Workshop on the ASEAN Economic Community (AEC) 2025 Monitoring & Evaluation (M&E) Framework: within the Context of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) Strategic Plan 2016-2025*.

Seterusnya, *Regional Course on Statistical Business Registers (SBR): Data Sources, Maintenance and Quality Assurance* telah dianjurkan pada Mei 2018 yang melibatkan 29 peserta dari 7 buah negara (Malaysia, Indonesia, Vietnam, Thailand, Sri Lanka, Filipina dan Myanmar) dan pegawai DOSM menjadi pensyarah bagi program tersebut.

DOSM turut menganjurkan Kolokium Statistik dan Research Poster pada Oktober 2018 di ILSM dan pada September 2017 di ibu pejabat DOSM. Objektif penganjuran program tersebut ialah menggalakkan aktiviti penyelidikan dan penulisan teknikal di kalangan anggota, menggalakkan anggota untuk meningkatkan keupayaan di dalam penggunaan *Statistical Analysis Tools* yang terkini, membudayakan teknik penyampaian yang berkesan dan kemahiran berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris dan menggalakkan penganjuran medan ilmu yang berupaya menyediakan wadah pertukaran idea di dalam pencambahan ilmu baharu. Sebanyak 21 kertas pembentangan pada 2019, 15 kertas pembentangan pada 2018 dan 16 kertas pembentangan pada 2017 telah dibentangkan di dalam program ini.

PENGANJURAN ISI 62ND WORLD STATISTICS CONGRESS

Tahun 2019 merupakan tahun yang istimewa bagi DOSM apabila DOSM telah menganjurkan ISI *World Statistics Congress* yang ke 62 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Seramai 2500 delegasi dari 130 buah negara dan 1,300 kertas dibentangkan selama lima hari dari 18 hingga 23 Ogos 2019. Kongres yang bertaraf 'olimpik bagi ahli statistik' dianjurkan bersama oleh ISI, DOSM, Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan *Malaysia Convention and Exhibition Bureau* telah dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri. Program - program pra-kongres turut dijalankan seperti kursus – kursus pendek, simposium, program tanggungjawab sosial dan *World Stats Run* di Dataran Merdeka. Para delegasi juga merasai pengalaman budaya Malaysia dengan program *Malaysia by Night* di Sunway Lagoon Surf Beach dan kongres diakhiri dengan jamuan gala pada hari terakhir di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

ANUGERAH INOVASI

DOSM telah memenangi beberapa anugerah inovasi daripada penghasilan produk inovasi, *MyLocal Stats* dan *StatsDW*. *MyLocal Stats* telah memenangi Pingat Emas di Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2018. Projek *StatsDW* telah menjadi johan bagi kategori ICT bagi Anugerah Inovasi JPM 2016.

PENGLIBATAN DOSM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Selaras dengan visi untuk menjadi organisasi terbilang di dunia menjelang 2020, DOSM sentiasa memastikan penglibatan aktif di arena antarabangsa. Hubungan dengan badan statistik serantau dan antarabangsa yang kukuh adalah asas utama dalam peralihan DOSM ke arah pencapaian dan penghasilan statistik yang berkualiti, berintegriti dan bertepatan masa. DOSM secara aktif menyertai mesyuarat dan program yang dianjurkan di peringkat Antarabangsa terutamanya mesyuarat tertinggi statistik anjuran *United Nations Statistics Division* (UNSD), *Organisation of Islamic Countries* (OIC), *The United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), *United Nations Development Programme* (UNDP), *United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific* (UNSIAP), *Association of South East Asian Nation* (ASEAN) dan komuniti statistik antarabangsa iaitu *International Statistical Institute* (ISI) dan *International Association of Official Statistics* (IAOS).

Berikut merupakan penyertaan DOSM di peringkat antarabangsa:

Perkara	Tahun 2017		Tahun 2018		Tahun 2019		Tahun 2020	
	Bilangan Program	Bilangan Wakil DOSM	Bilangan Program	Bilangan Wakil DOSM	Bilangan Program	Bilangan Wakil DOSM	Bilangan Program	Bilangan Wakil DOSM
Mesyuarat	8	9	17	25	15	19	6	60
Expert Group	10	10	6	6	12*	12*	11	36
Working Group	5	5	6	7	-	-	11	34
Tenaga Pengajar	8	8	7	7	4	4	1	2
Kursus/ Bengkel/Latihan	43	70	40	60	36	58	14	66
Program Sangkutan	2	2	-	-	1	1	-	-
Seminar/ Persidangan/Forum	6	19	13	22	9	16	70	1,092
Lawatan Kerja	1	4	2	3	2	2	1	6

*Bilangan program dan peserta bagi *Expert* dan *Working Group* digabungkan



04

TERAS STRATEGIK 4: MEMPERKASA PERANAN PENJANA STATISTIK

PROGRAM LITERASI

Selari dengan pengisytiharan Hari Statistik Sedunia pada 20 Oktober 2010 di *United Nation General Assembly* (UNGA), Hari Statistik Negara disambut pada 20 Oktober setiap tahun bagi meningkatkan program literasi dan aktiviti statistik di peringkat nasional dan antarabangsa. Sejarah telah tercipta di mana sambutan pertama hari statistik negara telah diadakan pada 20 Oktober 2017 dengan tema “Better Data Better Lives” yang telah dirasmikan oleh YB Dato Abdul Rahman Dahalan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di UKM. Sempena hari sambutan statistik negara, pelbagai program literasi telah dijalankan di seluruh negara seperti Forum Hal Ehwal Perdana, Stats Talk bersama ahli parlimen dan komuniti, program *School Outreach*. Sambutan Hari Statistik Negara kali ke-3 pada Oktober 2019 telah diadakan di Dewan Jubli, Muar, Johor peringkat kebangsaan yang dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, YB Dato’ Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Besar Johor, YB Dato’ Dr. Sahrudin bin Jamal dan Ahli Parlimen Muar, YB Syed Saddiq Syed Abd Rahman.

Selain sambutan Hari Statistik Negara, DOSM meningkatkan literasi statistik dengan memberi taklimat ekonomi kepada stakeholder pada setiap suku tahunan, kunjungan hormat muhibah daripada agensi – agensi kerajaan dan swasta seperti Jabatan Kastam Diraja, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, *United Nation Development Programme*, *National Statistical Office* (NSO) antarabangsa dan *International Labour Organization*. Di samping itu, program bersama sekolah dan institusi pengajian tinggi seperti lawatan sambil belajar ke ibu pejabat DOSM, program EduStats dan Stats Talk di universiti.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) BERSAMA UNIVERSITI

DOSM sebagai penjana statistik rasmi negara menjadi tumpuan penyelidik khususnya dari institusi pengajian tinggi untuk permintaan data bagi tujuan penyelidikan dan ilmiah. Kerjasama strategik diperluas untuk menerapkan kepentingan penggunaan statistik dalam penyelidikan berkaitan sosial dan ekonomi. Berikut senarai universiti – universiti yang menandatangani MoU bersama DOSM sehingga tahun 2020.

- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UiTM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Malaysia *University of Science and Technology* (MUST)
- Universiti Multimedia (MMU)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- *Management and Science University* (MSU)
- Universiti Malaysia Teknikal Melaka (UTeM)
- *Sunway University*
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Tenaga Malaysia (UNITEN)
- Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)



PENGIKTIRAFAN

- *Chairman, 2018-2019 (Organization of Islamic Cooperation Statistical Commission (OIC-StatCom))*
- *Vice Chair, 2020-2022 & Chairman, 2018-2020 (Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP))*
- *Chairman, 2019-2021 (Working Group International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS))*
- *Vice Chair, 2019-2024 (Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific)*
- *Co-Chair, 2018-2021 (Working Group on the Development of New Strategic Vision of OIC-StatCom)*
- *Member, 2018-2020 (The Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS))*
- *Member, 2019-2021 (International Association for Official Statistics (IAOS) Executive Committee (EXCO))*
- *Member, 2019-2021 (Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs))*
- *Member, 2019 (Friends of the Chair Group on Economic Statistics (FOC-ES))*

HALA TUJU PASCA PELAN TRANSFORMASI JABATAN 2021 – 2025

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)

WKB2030 menggariskan data raya sebagai pemboleh daya bagi mencapai objektif WKB2030. Data raya merupakan faktor utama yang menyumbang kepada perubahan kaedah membuat keputusan dan transaksi perniagaan. Pemboleh daya ini dibangunkan sebagai pemacu kepada proses penggubalan dasar berpandukan data dan fakta empirikal serta pengintegrasian dan konsolidasi maklumat. Cabaran utama ialah perubahan teknologi yang pesat dalam membangunkan infrastruktur digital termasuk pusat data, kepakaran tenaga mahir dalam penganalisan data perlu disediakan, ketersediaan dan kesedaran dalam menggunakan data secara bijak dan efektif bagi memastikan kerahsiaan data terpelihara, memudahkan cara penyampaian perkhidmatan dan membantu dalam membuat keputusan yang berkesan.

Matlamat Pembangunan Mampan 2030

Perancangan dan pemantauan pelaksanaan Agenda 2030 memerlukan pengumpulan, pemprosesan, analisis dan penyebaran data di peringkat nasional dan antarabangsa. Sistem statistik negara perlu bersedia menghadapi keperluan pengguna yang berevolusi untuk menyokong pelaksanaan Agenda 2030.

Cape Town Global Action Plan

Cape Town Global Action Plan menyeru supaya sistem statistik dunia untuk berubah dalam proses penghasilan dan penyampaian data dan statistik dalam membantu membuat keputusan di samping berkolaborasi bersama ahli akademik, komuniti, agensi kerajaan dan swasta. Koordinasi ini akan dapat mengurang jurang teknikal dan keupayaan institusi di dalam sistem statistik negara dan menambahbaik kualiti statistik serta ketersediaan data dan statistik kepada umum.



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics, Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : twitter.com/StatsMalaysia
Instagram : instagram.com/StatsMalaysia